



LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA
(KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI)



KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran ini adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor Tempatan** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	HARGA DOKUMEN SENASKAH
LPNM/BPPT/(SK)/14/2015	Cadangan Kerja-Kerja Pembaikan Dan Penyelenggaraan Stor Pusat Di BPTN Alor Bukit, Pontian Johor.	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) G1	26 Mei 2015 Jam 10.30 pagi Di Di Pejabat BPTN Alor Bukit, Pekan Nanas, Pontian Johor. Lawatan Tapak adalah WAJIB (Wakil kontraktor wajib menyertakan surat wakil kuasa daripada syarikat)	RM50.00

Dokumen Sebut harga boleh didapati mulai **26 Mei 2015 hingga 2 Jun 2015** pada waktu pejabat di alamat **Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, Wisma Nanas, No.5 Jalan Padi Mahsuri, 81200 Bandar Baru Uda, Johor Bahru** atau **Semasa Lawatan Tapak Diadakan** dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk **Wang Pos, Kiriman Wang atau Bank Draf** di atas nama **Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai atau cek tidak akan diterima.

Kontraktor perlu mengemukakan **Sijil Pendaftaran Asal** yang masih sah tempohnya yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** untuk semakan sebelum dibenarkan membeli Dokumen Sebutharga. Salinan sijil juga hendaklah disertakan untuk simpanan pejabat kami.

Wakil kontraktor yang hadir semasa lawatan tapak **wajib** menyertakan **surat wakil kuasa** daripada syarikat dan setiap individu hanya **boleh mewakili satu syarikat sahaja**.

Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul No. Sebut harga **(LPNM/BPPT/(SK)/14/2015)** dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat :

**Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia,
Wisma Nanas, No.5 Jalan Padi Mahsuri,
81200 Bandar Baru Uda,
Johor Bahru JOHOR.**

Tarikh tutup sebelum **jam 12.00 tengahari pada 2 Jun 2015**. Sebut harga yang lewat daripada tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.